



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


26 MEI 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **229 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **61,057 kes**. Satu (1) kes kematian direkodkan hari ini iaitu di daerah Kota Belud. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 81 menjadikan jumlah kumulatif 58,968 orang. Seramai 1,276 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 405 orang di hospital, 868 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara tiga (3) orang. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 61 orang dan 23 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Keningau berubah dari zon kuning ke zon jingga manakala Daerah Sipitang bertukar dari zon hijau ke zon kuning.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 11 daerah
- Zon Jingga lima (5) daerah
- Zon Kuning enam (6) daerah
- Zon Hijau lima (5) daerah

5 Analisa Kes COVID-19 Di Sabah

- i Pada hari ini, jumlah kes positif COVID-19 di Sabah mencatatkan sedikit penurunan iaitu daripada 266 kes kelmarin (25 Mei 2021) kepada 229 kes hari ini dengan penurunan sebanyak 37 kes.
- ii Daripada 229 kes positif ini, sebanyak 22 kes hasil dari saringan kluster baharu, 37 kes hasil dari saringan kluster yang sedia ada, sembilan (9) kes hasil dari saringan bersasar (PKPD), 105 kes hasil dari saringan kontak rapat, 44 kes hasil dari saringan bergejala, empat (4) kes hasil dari saringan kemasukan wad/prosedur/pengiring, empat (4) kes hasil dari saringan pekerjaan dan empat (4) kes hasil dari saringan lain-lain kategori.
- iii Walau bagaimanapun berlaku peningkatan ketara di daerah-daerah berikut iaitu ;
 - Penampang meningkat kepada 25 kes berbanding dengan 13 kes kelmarin iaitu pertambahan sebanyak 12 kes. Pertambahan kes di Daerah Penampang disumbang dengan dua (2) kes dari Kluster Jalan Menteri, 1 kes dari Kluster Lorong Karamunsing, satu (1) kes dari Kluster Padawan, 13 kes dari saringan kontak rapat dan lapan (8) kes dari saringan bergejala.
 - Daerah Keningau juga mencatatkan peningkatan ketara dengan perbezaan sebanyak 15 kes iaitu 21 kes pada hari ini berbanding enam (6) kes kelmarin. Satu (1) kluster baru dikenalpasti di Daerah Keningau iaitu Kluster Kauran-Durok yang setakat ini telah menyumbang kepada kes harian sebanyak 12 kes.

6 **Terdapat dua (2) kluster baharu** direkodkan hari ini.

- i **Kluster Sungai Pukul di Tawau** melibatkan jangkitan semasa aktiviti kunjung-mengunjung sempena sambutan aidilfitri. Kes indeks merupakan suri rumah, 63, disahkan positif COVID-19 di Hospital Tawau pada 22 Mei 2021, selepas mengalami gejala sejak 18 Mei 2021. Saringan kontak rapat mendapati tujuh (7) kes positif dalam kalangan keluarga kes indeks pada 25 Mei 2021, sebelum 10 lagi kes dikesan menjadikan jumlah kumulatif setakat hari ini sebanyak 18 kes. Siasatan lanjut untuk pengesanan kontak rapat serta punca jangkitan sedang giat dijalankan.
- ii **Kluster Kauran-Durok di Keningau** melibatkan kes Selangor yang dikesan pada 24 Mei 2021 di Hospital Serdang. Kes indeks merupakan wanita, 30, yang balik bercuti ke Sabah untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri pada 12 hingga 22 Mei 2021. Susulan itu, saringan bersasar terhadap 31 kontak rapat mendapati 12 daripadanya positif RTK-Antigen iaitu empat (4) kes dari Kg. Kauran dan lapan (8) kes dari Kg. Durok Baru pada 25 Mei 2021. Berdasarkan maklumat awal, kes indeks dipercayai mendapat jangkitan semasa sambutan aidilfitri di antara 19 Mei 2021 hingga 21 Mei 2021. Pengesanan kontak rapat juga sedang dijalankan.

7 Jumlah kapasiti katil 3,486 unit

- Hospital 576 unit
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,490 unit
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 36.6%

B LARANGAN MEMASUKI W.P LABUAN DARI SABAH DAN LARANGAN MEMASUKI SABAH DARI W.P LABUAN

- 1 Berikutan kewujudan Varian India yang dikesan di Wilayah Persekutuan Labuan, Kerajaan Negeri Sabah menyekat pergerakan orang awam untuk masuk ke WP. Labuan dan begitu juga sebaliknya, orang awam dari Labuan juga disekat untuk memasuki negeri Sabah KECUALI yang melibatkan pergerakan berhubungkait dengan *Essential Service and Essential Goods*, Keselamatan dan Kesihatan (Perubatan) serta telah mendapat kebenaran khas dalam usaha menyekat varian tersebut menular ke negeri Sabah.
- 2 Pengangkutan feri awam juga hanya bagi keperluan *essential service and essential goods* sahaja.
- 3 **Larangan ini adalah berkuatkuasa serta merta.**
- 4 Permohonan kebenaran bagi pasangan jarak jauh juga tidak akan dipertimbangkan bermula **28 Mei sehingga 7 Jun 2021**.

C PEMASYARAKATAN PEMATUHAN SOP COVID-19

- 1 Faktor utama penyebab peningkatan kes COVID-19 di negeri Sabah adalah kegagalan orang awam dan pemilik-pemilik premis perniagaan mematuhi SOP COVID-19 yang telah ditetapkan terutamanya pemakaian pelitup muka.
- 2 Pemilik-pemilik premis perniagaan DIKEHENDAKI untuk mempamerkan SOP COVID-19 di setiap premis perniagaan milik mereka. Mana-mana premis yang mempunyai peralatan hebahan (Sistem PA) perlu memberi peringatan kepada pelanggan mereka untuk sentiasa mematuhi SOP yang telah ditetapkan. Hebahan berkala ini dilakukan dalam setiap satu jam.
- 3 Pihak Berkuasa Tempatan akan membekalkan poster ke setiap premis untuk dipamerkan. Poster ini mengandungi nombor telefon aduan yang boleh dihubungi oleh orang awam jika berlaku ketidakpatuhan SOP.
- 4 Pihak penguatkuasa akan sentiasa membuat rondaan bagi memastikan SOP dipatuhi sepenuhnya.

D PERKHIDMATAN BAS EKSPRES DAN KERETAPI

Perkhidmatan Bas Ekspres dan Keretapi masih diteruskan tetapi jadual trip perjalanan adalah terhad.

E SOP SEKTOR PERKILANGAN DAN PEMBUATAN BAGI PKPB BAGI NEGERI SABAH

SOP Sektor Perkilangan Dan Pembuatan Bagi Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi Negeri Sabah adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

F PKPD 4 PERKAMPUNGAN DALAM DAERAH KUNAK

1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan perkembangan terkini kes COVID-19 di empat (4) perkampungan dalam daerah Kunak iaitu:

- Kampung Kabog
- Kampung Kabog Baru
- Kampung Kunak Darat
- Kampung Kunak 3

2 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 62 ujian saringan dan 17 daripadanya disahkan positif COVID-19.

3 KKM juga mendapati kes telah menular ke dalam komuniti dengan kadar kebolehjangkitan masih tinggi di keempat-empat lokaliti tersebut.

4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di empat (4) perkampungan seperti dinyatakan berkuat kuasa 28 Mei sehingga 10 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

5 Pelaksanaan PKPD ini membantu mengurangkan jangkitan dalam komuniti selain meningkatkan pengesanan kes melalui saringan bersasar penduduk perkampungan tersebut.

G PKPD 3 LOKALITI DALAM DAERAH TAWAU

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan perkembangan terkini kes COVID-19 di tiga (3) lokaliti dalam daerah Tawau iaitu:
 - Kampung Sungai Pukul, Pulau Sebatik
 - Taman Desa Runggu Tawau
 - Taman Sawit Balung
- 2 Ketiga-tiga lokaliti ini menunjukkan *trend* peningkatan kes dalam tempoh seminggu iaitu 11 kes dikesan daripada 73 yang disaring di Kampung Sungai Pukul, Pulau Sebatik, Taman Desa Runggu Tawau (11 kes daripada 30 disaring) dan Taman Sawit Balung merekodkan 13 kes daripada 15 saringan.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di tiga (3) lokaliti seperti dinyatakan berkuat kuasa 28 Mei sehingga 10 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini adalah untuk menghalang pergerakan serta mengelak jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

H PKPD KAMPUNG PIRASAN ULU, KOTA BELUD

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan perkembangan terkini kes COVID-19 di Kampung Pirasan Ulu, Kota Belud.
- 2 Berlaku peningkatan ketara kes dalam tempoh seminggu apabila 26 kes dikesan hasil daripada keseluruhan 53 ujian disaring yang telah dilakukan oleh KKM.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Pirasan Ulu, Kota Belud, Sabah berkuat kuasa 28 Mei sehingga 10 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

4 Pelaksanaan PKPD ini adalah untuk menghalang pergerakan serta mengelak jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

I STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

1 Setakat hari ini, **429** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **57,155** orang.

2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **21** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **52,541** orang.

3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **4,226** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **57,199** orang.

4 Bagi Dos 2 Fasa 2, **1,903** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **18,062** orang.

5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah **5,801** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak **520,925** (mysejahtera 457,780 : laman web 62,916 : talian vaksinasi 229) bersamaan 17.8%.

J BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **323,237** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

K LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

1 Sejumlah 57 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 36,979 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 65 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 65 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.

- 2 Sebanyak 19 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
- Tujuh (7) orang : Tidak memakai pelitup muka/Tidak memakai pelitup separuh muka dengan betul.
 - Tujuh (7) orang : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran pelanggan.
 - Tiga (3) orang : Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran
 - Dua (2) orang : Aktiviti terlarang
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 111 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 55 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 275 lokasi melibatkan seramai 165 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 66 anggota di 53 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di empat (4) premis, melibatkan tiga (3) buah daerah iaitu di daerah Semporna, Sandakan dan Keningau.
- 7 Sejumlah 45 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lapan (8) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 81 hebahan di seluruh Sabah.

L KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Tenom	98%
2	Beluran	98%
3	Kota Marudu	98%
4	Kudat	98%
5	Beaufort	98%
6	Keningau	98%
7	Ranau	98%
8	Kinabatangan	98%
9	Sipitang	98%
10	Tuaran	97.5%
11	Kunak	97.5%
12	Kota Belud	97%
13	Tawau	97%
14	Semporna	97%
15	Penampang	97%
16	Papar	97%
17	Sandakan	97%
18	Lahad Datu	97%
19	Kota Kinabalu	96%

2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**



STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) DI NEGERI SABAH YANG DIWAJIBKAN UNTUK SEMUA SEKTOR PERKILANGAN DAN PEMBUATAN BAGI TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BERKUATKUASA PADA 25 MEI – 7 JUN 2021

BIL.	SEKTOR PERKILANGAN & PEMBUATAN	KEBENARAN BERNIAGA	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)	
			TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS
	Kawasan Terlibat	Seluruh Negeri Sabah.		
	Aktiviti yang dibenarkan	Semua kegiatan/aktiviti perkilangan di Negeri Sabah seperti dalam senarai di bawah.		
	Kehadiran Pekerja	Tidak melebihi 30% bagi kumpulan pengurusan dan 100% bagi kumpulan operasi.		
	Waktu Operasi	Syarikat perkilangan dan perkhidmatan berkaitan serta rantaianya dibenarkan beroperasi seperti biasa termasuk bagi syarikat yang mempunyai penggiliran pengoperasian 24 jam.		
	Pengecualian	i. Pengecualian untuk syarat-syarat bilangan pekerja dan waktu operasi haruslah diperolehi daripada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Covid19 Negeri Sabah bagi syarikat-syarikat yang terpaksa beroperasi di luar syarat-syarat tersebut.		
	Pendaftaran Untuk Beroperasi	Kategori1: Sudah Berdaftar Di CIMS. Surat notifikasi pengesahan pendaftaran boleh dimuat turun di CIMS melalui https://notification.miti.gov.my . Kategori 2: Belum Berdaftar Di CIMS. Perlu berdaftar di CIMS terlebih dahulu di https://notification.miti.gov.my		
1	Food Industry	Mempunyai lesen FML atau SGA, dan lesen berniaga daripada PBT termasuk industri kecil dan sederhana (IKS)	1. Pembersihan Premis Sebelum Mula Operasi	1. Sebelum memulakan operasi kilang, premis kilang tersebut hendaklah dibersihkan dan disinfeksikan.
2	Beverage Industry			
3	Oil & Gas Industry			
4	Biomass Industry			

1



STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) DI NEGERI SABAH YANG DIWAJIBKAN UNTUK SEMUA SEKTOR PERKILANGAN DAN PEMBUATAN BAGI TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BERKUATKUASA PADA 25 MEI – 7 JUN 2021

BIL.	SEKTOR PERKILANGAN & PEMBUATAN	KEBENARAN BERNIAGA	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)		
			TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
5	Chemical & Chemical Products	Mempunyai lesen FML atau SGA, dan lesen berniaga daripada PBT termasuk industri kecil dan sederhana (IKS)	2. Melantik Penyelaras Yang Terlatih	2. Majikan hendaklah melantik seorang pegawai syarikat sebagai Penyelaras yang telah dilatih dan mempunyai pengetahuan tentang prosedur kerja selamat berkaitan COVID-19. Penyelaras tersebut bertanggungjawab untuk memastikan pekerja mematuhi SOP, dan melaporkan status pematuhan program kawalan risiko COVID-19 kepada pihak berkuasa jika diperlukan.	
6	Crude Palm Oil (CPO) Industry				
7	Palm Oil Refinery & Downstream Industry				
8	Furniture & Fixtures Industries				
9	Rubber & Rubber Products Industry				
10	Plastics Industry				
11	Wood & Wood Products Industry				
12	Cement & Concrete Industry				
13	Paint & Coating Industry				
14	Fertilizer Industry				
				3. Penyediaan <i>Hand Sanitizer</i>	3. Majikan hendaklah menyediakan <i>hand sanitizer</i> di pintu masuk, semua kawasan umum dan tempat-tempat lain di dalam kilang/premis.
				4. Sanitasi Pembasmian Kuman di Kilang	4. Majikan hendaklah menjalankan proses sanitasi pembasmian kuman di premis kilang setiap kali sebelum syif atau operasi kilang bermula.
				5. Saringan Suhu Badan	5. Semua kakitangan syarikat dan pekerja diwajibkan menjalani pemeriksaan suhu badan setiap kali mereka memasuki premis dan hendaklah direkodkan. Sekiranya suhu badan 37.5 darjah celsius ke atas hendaklah dilaporkan kepada Pejabat Kesihatan yang berhampiran dan pekerja dan kekitangan tersebut tidak dibenarkan masuk ke premis
				6. Pemakaian <i>Face Mask</i>	6. Semua kakitangan syarikat dan pekerja diwajibkan memakai face mask setiap masa di premis kilang.
			7. Penggunaan <i>Hand Sanitizer</i>	7. Semua kakitangan syarikat dan pekerja hendaklah kerap menggunakan hand sanitizer atau mencuci tangan dengan sabun.	

2



STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) DI NEGERI SABAH YANG DIWAJIBKAN UNTUK SEMUA SEKTOR PERKILANGAN DAN PEMBUATAN BAGI TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BERKUATKUASA PADA 25 MEI – 7 JUN 2021

BIL.	SEKTOR PERKILANGAN & PEMBUATAN	KEBENARAN BERNIAGA	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)	
			TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS
15	Automotive Industry	Mempunyai lesen FML atau SGA, dan lesen berniaga daripada PBT termasuk industri kecil dan sederhana (IKS)	8. Penjarakan Sosial	8. Penjarakan sosial hendaklah dipatuhi dan dilaksanakan di kawasan tempat bekerja, bas/pengangkutan pekerja, tandas, bilik mandi, tempat ibadat, lif, kuarters pekerja, ruang makan dan lain-lain. Majikan hendaklah meletakkan tanda penjarakan sosial di tempat-tempat tersebut.
16	Machinery & Equipment Industry		9. Pelaporan Simptom COVID-19	9. Majikan hendaklah melaporkan kepada Pejabat Kesihatan yang berhampiran sekiranya terdapat 5% ketidakhadiran pekerja disebabkan demam dan mempunyai simptom COVID-19.
17	Ship Building & Repair Industry		10. Penutupan Kilang Akibat Positif COVID-19	10. Jika ada seorang pekerja yang disahkan kes positif COVID-19 oleh Jabatan Kesihatan, operasi keseluruhan kilang tersebut hendaklah ditutup serta merta. Semua pekerja hendaklah menjalani kuarantin di rumah selama 10 hari, dan mana-mana juga pekerja <i>close contact</i> dengan pekerja yang disahkan positif COVID-19 hendaklah menjalani ujian <i>swab test</i> . Ujian <i>swab test</i> dan kos perubatan berkenaan akan ditanggung oleh majikan. Majikan juga dikehendaki membayar gaji kepada semua pekerja yang akan menjalani kuarantin atas arahan Kementerian Kesihatan Malaysia.
18	Transport Equipment			
19	Basic & Fabricated Metal Industry			
20	Electrical & Electronics Industry			
21	Packaging Industry (Paper)		13. Aktiviti Terlarang	11. Majikan dikehendaki mematuhi semua peraturan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kerajaan Negeri yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.
22	Packaging Industry (Plastic)			
23	Glass & Glass Based Industry			
24	Non-Metallic Mineral Products Industry			

3



STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) DI NEGERI SABAH YANG DIWAJIBKAN UNTUK SEMUA SEKTOR PERKILANGAN DAN PEMBUATAN BAGI TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BERKUATKUASA PADA 25 MEI – 7 JUN 2021

BIL.	SEKTOR PERKILANGAN & PEMBUATAN	KEBENARAN BERNIAGA	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)	
			TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS
25	Paper, Printing & Publishing Industry	Mempunyai lesen FML atau SGA, dan lesen berniaga daripada PBT termasuk industri kecil dan sederhana (IKS)		12. Majikan tidak dibenarkan melakukan aktiviti-aktiviti yang termasuk di dalam Senarai Aktiviti Terlarang di bawah PKPB.
26	Animal Feed Industry		14. Aplikasi MySejahtera atau Sabah Trace	13. Pekerja, dan pelanggan perlu memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera atau Sabah Trace ke dalam telefon bimbit masing-masing untuk pengesanan kontak rapat.
27	Petroleum & Petroleum Products Industry			14. Pemilik premis diwajibkan mendaftar dan memuat turun aplikasi MySejahtera atau Sabah Trace untuk digunakan oleh pelanggan yang memasuki premis.
28	Warehousing & logistic			15. Memastikan pelanggan melalui proses rekod kehadiran secara manual atau aplikasi MySejahtera atau Sabah Trace.
29	Micro, Cottage Industry with less than 5 workers			

NOTA:

Federal Manufacturing Licence (FML) adalah lesen yang wajib diperolehi oleh setiap syarikat perkilangan yang mempunyai modal berbayar berjumlah RM 2.5 juta dan keatas atau mempunyai pekerja sepenuh masa sebanyak 75 orang atau lebih seperti yang dikehendaki di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975. FML dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI), Kuala Lumpur.

State Government Approval (SGA) digunakan bagi merujuk kepada Kelulusan Kerajaan Negeri untuk Lesen Perniagaan bagi projek-projek perkilangan. Mengikut peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan negeri Sabah, semua projek perkilangan yang dikecualikan daripada Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 dikehendaki untuk memohon SGA sebelum projek dimulakan. Ini bermaksud syarikat-syarikat perkilangan yang mempunyai modal berbayar berjumlah kurang daripada RM 2.5 juta dan/atau mempunyai pekerja sepenuh masa kurang daripada tujuh puluh lima (75) orang adalah dikehendaki untuk mendapat SGA sebelum memulakan penubuhan projek perkilangan yang dicadangkan.

4